

01 OCT 1999

Nik Aziz-Tentera

NIK AZIZ SETUJU PANDANGAN PERDANA MENTERI MENGENAI TIMOR TIMUR

KOTA BAHARU, 1 Okt (Bernama) -- Mursyidul Am Pas Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat pada dasarnya bersetuju dengan pandangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad agar Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) membenarkan negara-negara ASEAN mengambil alih sebagai tentera pengaman di Timor Timur.

Beliau berkata, negara ASEAN boleh disifatkan sebagai sebuah keluarga kerana lebih baik mereka sendiri menyelesaikan masalah yang timbul daripada menyerahkannya kepada pihak luar.

Di kalangan sesama negara ASEAN adalah lebih mudah untuk mencari jalan penyelesaian daripada orang lain yang tidak tahu mengenai budaya orang ASEAN, katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Nik Aziz yang juga Menteri Besar Kelantan diminta mengulas kenyataan Dr Mahathir semalam yang mahukan PBB mengurangkan saiz pasukan tentera pengaman Australia di Timor Timur dan membenarkan negara-negara ASEAN mengambil alih sebagai tentera pengaman.

"Pada umumnya orang di ASEAN, orang beragama yang mempunyai perasaan prihatin dan cara bahasnya lebih tahu berbanding dengan orang luar dari ASEAN," katanya.

Beliau berkata sudah menjadi fitrah manusia bahawa daripada mengambil orang lain lebih baik ambil anak beranak khususnya bagi menyelesaikan masalah berkaitan kekeluargaan.

Nik Aziz percaya cara tentera Australia menjalankan tugas di Timor Timur adalah keras memandangkan banyak perbezaan antara negara itu dan negara-negara ASEAN.

"Memanglah rupa dia (Australia) pun tak serupa dengan orang Asia, negara dia pun tak masuk dalam Asia, perasaan dia pun boleh jadi pandang lekeh pada orang Asia," katanya.

Beliau yakin konflik yang melanda Timor Timur itu lebih mudah untuk diselesaikan sekiranya anggota negara-negara ASEAN sendiri mengendalikannya.

-- BERNAMA

BD FAZ